

A Pilih penanda wacana yang paling sesuai. Membaca TPA

- 1 Abang telah insaf otas perbuatannya selama ini. _____, dia bertekad untuk pulang ke pangkal jalon.
 - A Sementara itu
 - B Namun begitu
 - C Kesimpulannya
 - D Walaupun

- 2 Raut wajahnya mencerminkan dia seorang yang sangat baik dan bertanggungjawab. _____ perongainya kejom dan mementingkan diri sendiri.
 - A Seterusnya
 - B Sebaliknya
 - C Semenjak itu
 - D Selepas itu

- 3 Pihak bomba bertungkus lumus memadamkan api kebakaran itu daripada merebak. _____, usaha mereka tidak berjaya kerana api terlalu marak.
 - A Demikian pula
 - B Namun demikian
 - C Sejajar dengan itu
 - D Lebih-lebih lagi

- 4 Dashwin sudah beberapa kali gagal dalam peperiksaan. _____, dia tidak pernah berputus asa dan terus berusaha.
 - A Meskipun
 - B Sungguhpun begitu
 - C Selanjutnya
 - D Tambahan pula

- 5 Win Kim dan Naresh bergaduh sejak tiga hari yang lalu. _____, mereka berbaik-baik semula setelah dinasihati oleh guru kelas.
 - A Oleh itu
 - B Akhirnya
 - C Sebaliknya
 - D Sementara itu

- 6 Zahid tidak dapat menunaikan permintaan orang tuanya itu _____ dia ada sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkkan
 - A Justeru
 - B Malangnya
 - C Mungkin
 - D Seterusnya

- 7 Semua jemputan hadir seperti masa yang dijanjikan. _____, bolehlah kita mulakan mesyuarat kali ini dengan agenda pertama.
 - A Dengan itu
 - B Namun demikian
 - C Sebelum itu
 - D Di samping itu

- 8 Selepas pulang dari sekolah, Amri terus ke dapur untuk makan. _____, barulah dia masuk ke bilik untuk menukar uniform sekolahnya.
 - A Selanjutnya
 - B Sejajar dengan itu
 - C Selepas itu
 - D Sebelum itu

- 9 Gaji bulanan yang diperolehnya tidak banyak. _____, dia tetap mengirimkan wang kepada ibunya di kampung.
 - A Namun begitu
 - B Oleh sebab itu
 - C Lantaran itu
 - D Malahan

- 10 Zidan dan Asraf bersahabat baik di kolej, _____ mereka berasal dari negeri yang sama.
 - A namun begitu
 - B sungguhpun begitu
 - C lebih-lebih lagi
 - D oleh sebab itu